



**TEKS UCAPAN
YBHG. DATO' SRI DR. ALI BIN HAMSA
KETUA SETIAUSAHA NEGARA**

**MAJLIS RAMAH MESRA BERSAMA
WARGA FELDA**

21 FEBRUARI 2013 (KHAMIS)

9.00 PAGI

**MENARA FELDA
KUALA LUMPUR**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

YBhg Datuk Faizoull Ahmad
Pengarah Besar FELDA

YBhg. Datuk Othman Hj. Mahmood
Timbalan Ketua Setiausaha (Kanan)
Jabatan Perdana Menteri

Ybhg. Datuk Dr Omar Salim, Ketua Unit Kawalselia FELDA

YBhg. Datuk Noor Ehsanuddin bin Hj Mohd Harun Narrashid, Pengarah
Seranta FELDA

Ketua-ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan Perdana
Menteri

Timbalan-Timbalan Pengarah Besar FELDA

Warga FELDA

Wakil-wakil Media

Para hadirin yang saya hormati sekalian.

1. *Alhamdulillah*, saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya jua, saya dapat berjumpa dengan petugas FELDA pada hari ini.

2. Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada FELDA yang menjemput saya untuk bersama-sama dengan warga FELDA pada pagi ini.

3. Sejak penubuhan FELDA pada 1 Julai 1956, FELDA telah berjaya mengubah sosiekonomi peneroka yang dahulunya seperti kais pagi makan pagi dan kais petang makan petang. Kini, program pembangunan tanah yang dilaksanakan oleh FELDA telah berjaya membasmi kemiskinan penduduk luar bandar, dan menjadi contoh kepada banyak negara-negara luar. Sebagai contoh, Felda Global Ventures Berhad (FGV) mencipta rekod pada tahun lepas apabila prospektus awam pemulaan (“Initial Public Offering” – IPO) FGV mencatat rekod yang terbesar di Asia dan kedua terbesar di dunia selepas Facebook yang membabitkan 2.19 bilion saham. Saya ucapkan tahniah kepada FELDA di atas kemajuan yang telah dicapai dan berharap Kumpulan FELDA akan memainkan peranan di dalam agenda transformasi negara dan terus memperolehi kejayaan yang lebih membanggakan di masa akan datang.

MERAKYATKAN PERKHIDMATAN AWAM, MEMBUDAYAKAN PENDEKATAN TURUN PADANG

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian,

4. Kita semua harus bersyukur dan merasa amat bertuah kerana Negara kita telah melalui banyak peringkat pembangunan dan transformasi ke arah mewujudkan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Sebagaimana yang telah dilaksanakan pada tahun sebelum ini, saya akan meneruskan tradisi ‘Merakyatkan Perkhidmatan Awam’. Konsep ‘Merakyatkan Perkhidmatan Awam’ telah saya dukung semenjak menerajui pimpinan perkhidmatan

awam ini, dan akan diteruskan dengan memupuk budaya “turun padang”. Pendekatan ini membolehkan saya merasai sendiri apa jua masalah dan keperluan rakyat, dan seterusnya, mengambil tindakan segera bagi mengatasi masalah tersebut sebelum ia menjadi lebih serius.

5. Oleh yang demikian, saya menyarankan agar pihak pengurusan FELDA juga mengamalkan “turun padang” dengan lebih kerap, bagi mendekati warga FELDA dan memasang telinga untuk mendengar maklumbalas daripada mereka. Saya juga amat berharap konsep ‘Merakyatkan Perkhidmatan Awam’ ini dapat memberikan kesedaran kepada penjawat awam di FELDA untuk terus meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

PELAKSANAAN DASAR-DASAR YANG TELAH DIPUTUSKAN OLEH KERAJAAN

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

6. Sepertimana peringatan yang kerap saya sampaikan kepada penjawat awam di seluruh Negara, Perkhidmatan Awam merupakan tonggak utama dan tulang belakang kepada pentadbiran Negara dalam mentransformasikan negara menjadi sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Sehubungan itu, penjawat awam perlu menerima cabaran bagi merealisasikan tujuh hala tuju yang digariskan oleh YAB Perdana Menteri baru-baru ini iaitu:

- (i) Memastikan perpaduan nasional terus diperkukuhkan berpaksikan Gagasan 1Malaysia: “Rakyat di Dahulukan, Pencapaian Diutamakan”;

- (ii) Menguruskan ekonomi dengan baik untuk memastikan pertumbuhan Negara terus berkembang dan pengagihan kekayaan kepada rakyat berdasarkan prinsip keadilan sosial;
- (iii) Melaksanakan Bajet 2013 dengan licin, lancar dan berkesan mengikut jadual yang telah ditetapkan;
- (iv) Melaksanakan sepenuhnya Dasar Transformasi Nasional seperti Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP);
- (v) Melaksanakan Strategi Lautan Biru Kebangsaan atau “National Blue Ocean Strategy”;
- (vi) Setiap Menteri dan Kementerian mencapai Indeks Prestasi Utama (KPI) sepenuhnya; dan
- (vii) Meneruskan penambahbaikan sistem penyampaian Kerajaan berdasarkan enam prinsip baru perkhidmatan awam iaitu CTI (Cepat, Tepat dan Integriti) dan PCI (Produktif, Kreatif dan Inovatif).

7. Dalam hal ini, sokongan dan kerjasama semua penjawat awam, termasuk daripada Kumpulan FELDA yang merupakan sebuah organisasi besar yang telah banyak menabur bakti kepada rakyat dan pembangunan ekonomi Negara, amatlah diharapkan dalam memastikan kelangsungan serta kelancaran pelaksanaan tujuh hala tuju tersebut.

MENERAJUI PERUBAHAN, MELAKAR KEJAYAAN MELALUI STRATEGI LAUTAN BIRU KEBANGSAAN

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

8. Bagi merealisasikan agenda transformasi Negara, Kerajaan telah mengamalkan pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan atau “National Blue Ocean Strategy” (NBOS) yang menitikberatkan pemikiran kreatif dan gerak kerja inovatif dalam memperkenalkan inisiatif-inisiatif baru kepada rakyat. NBOS menggalakkan setiap penggerak inisiatif untuk mengikis pemikiran atau pendekatan kerja secara ‘silo’, dan berpegang kepada prinsip kos rendah, berimpak tinggi dan pelaksanaan yang pantas. Antara inisiatif yang dilaksanakan hasil daripada strategi ini adalah penubuhan Rural Transformation Centre (RTC), Urban Transformation Centre (UTC), 1Malaysia Call Centre (1MOCC) dan sebagainya.

9. Seperti yang kita sedia maklum, FELDA telah berjaya memberi kesejahteraan hidup kepada kira-kira dua juta warga peneroka di seluruh negara melalui peningkatan paras pendapatan, taraf penghidupan yang lebih baik, rumah kediaman yang lebih selesa dan kemudahan infrastruktur yang disediakan. Walau bagaimanapun, FELDA tidak harus leka dengan kejayaan yang dicapai, lebih-lebih lagi dalam keadaan persekitaran global yang begitu dinamik dan semakin mencabar. Dengan itu, FELDA disarankan untuk mengamalkan Strategi Lautan Biru Kebangsaan dalam merancang dan melaksanakan inisiatif-inisiatif yang boleh meningkatkan pendapatan peneroka di paras yang lebih baik. Sebagai contoh, ini boleh dilakukan dengan menjalinkan kerjasama dengan RTC-RTC yang telah dan akan ditubuhkan di seluruh negara.

10. Di samping itu, program-program yang khusus bagi belia di kawasan FELDA juga boleh dilaksanakan melalui pendekatan Strategi Lautan Biru

Kebangsaan, terutamanya bagi menyemai amalan kesukarelawanan di kalangan belia memandangkan tahun ini merupakan Tahun Kesukarelawanan. Kerjasama padu dengan 1 Malaysia For Youth (1M4U), yang merupakan sebuah organisasi yang ditubuhkan melalui inisiatif NBOS bagi menggalakkan semangat kesukarelawanan di kalangan belia, boleh diadakan dalam merangka program-program yang akan memberi fokus kepada pembangunan jati diri belia di kawasan FELDA. Sebagai contoh, 1M4U telah mengadakan program Ukhwah Siswa di Felda Bidoi, Segamat pada 12 Januari 2013 yang melibatkan 120 sukarelawan dari Kolej Komuniti Segamat.

SOKONGAN KEPADA FELDA

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

11. Selain melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti perladangan, warga FELDA juga terlibat dalam aktiviti bukan perladangan seperti perkhidmatan, ternakan, kraf, perusahaan dan akuakultur. Saya telah dimaklumkan bilangan peneroka yang terlibat dalam aktiviti bukan perladangan ini adalah seramai 36,175 orang. Angka ini agak besar, namun usaha yang berterusan perlu dilipatgandakan lagi selaras dengan program kerajaan untuk mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB).

12. Saya juga difahamkan bahawa FELDA telah memberi tumpuan kepada strategi meningkatkan pendapatan melalui aktiviti “non-farm income” seperti Pembangunan Industri Asas Tani dan Projek Integrasi Pertanian. Di samping itu, bagi mengurangkan kadar import makanan negara, FELDA juga turut terlibat dalam program Gedung Makanan Negara

(GMN), yang memfokus kepada empat makanan bernilai tinggi (“high valued”) iaitu pisang berangan, cili kulai, lembu pedaging dan ikan tilapia.

13. Sehubungan dengan itu, saya pasti jabatan-jabatan kerajaan yang mempunyai kepakaran dalam bidang-bidang tersebut seperti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, FAMA, dan lain-lain yang berkaitan, bersedia untuk membantu FELDA dalam usaha meningkatkan produktiviti peneroka.

PENUTUP

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

14. Sebelum mengakhiri ucapan, saya berharap agar warga Kumpulan FELDA akan terus menunjukkan prestasi kerja yang baik, bertanggungjawab dan berintegriti dalam melaksanakan amanah yang telah diberikan. Saya yakin bahawa warga Kumpulan FELDA akan bersama-sama menggembeleng tenaga dan melipatgandakan usaha ke arah mencapai visi untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

15. Akhir sekali, terima kasih di atas jemputan ini dan saya berharap agar tuan-tuan dan puan-puan akan terus memberi komitmen untuk menjayakan dan melaksanakan agenda negara, seterusnya memacu kemajuan, kemakmuran dan kesejahteraan demi kepentingan rakyat, dan negara.

Selamat maju jaya!

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh.